



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK WAN MANANG BIN WAN AWANG  
USAHAWAN TENUNAN SONGKET**

**OLEH:**

NURIN SYAZWANI BINTI MUSTAPA	2020905693
SITI NOR AISYAH BINTI TALIYANG@ALIAS	2019689664

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2021 – AUGUST 2021)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK WAN MANANG BIN WAN AWANG  
USAHAWAN TENUNAN SONGKET

OLEH:

NURIN SYAZWANI BINTI MUSTAPA	2020905693
SITI NOR AISYAH BINTI TALIYANG@ALIAS	2019689664

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2021 – AUGUST 2021)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur kepada ALLAH S.W.T, yang telah memberi peluang dan kelapangan masa serta kesihatan yang baik kepada kami untuk menyiapkan tugas ini sehingga waktu yang telah ditetapkan. Dikesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini terutamanya kepada pensyarah subjek IMR 604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan) iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada kami dalam menjalankan tugas ini sehingga jayanya. Kami juga berterima kasih kerana beliau telah banyak memberikan maklumat berkaitan dengan tugas, cadangan dan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan tugas ini. Segala masa dan ilmu yang dicurahkan oleh beliau di dalam menyempurnakan tugas ini amatlah kami hargai. Tidak lupa juga kepada Encik Wan Manang Bin Wan Awang kerana tanpa kerjasama beliau, tugas ini tidak dapat kami siapkan dengan jayanya. Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada Encik Wan Manang Bin Wan Awang kerana kesudian beliau untuk berkongsi maklumat serba sedikit tentang songket dan juga telah memberi ruang dan peluang untuk kami mendokumentasikan hasil maklumat tentang tenunan songket dan juga sumbangan beliau di dalam memartabatkan industri songket di Malaysia.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu dan bapa kami yang banyak memberi sokongan serta dorongan serta sokongan wang ringgit dalam menghasilkan tugas pendokumentasian sejarah lisan ini. Tanpa sokongan dan dorongan dari mereka, kami mungkin tidak dapat menyempurnakan tugas ini dengan sebaik mungkin. Malah jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan sekelas yang sama bertungkus-lumus memberikan idea untuk menyempurnakan tugas ini. Kami amat bersyukur kerana tugas ini dapat menaikkan tahap pemahaman dan juga memberi sedikit sebanyak maklumat yang baru yang berkaitan dengan industri tenunan songket. Malahan, pemahaman kami terhadap topik ini juga semakin bertambah luas. Alhamdulillah dengan jayanya kami dapat menyiapkan tugas ini pada masa yang tepat. Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
abstrak	iii
Biodata tokoh	v
Pengenalan	vi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar belakang tokoh	1
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	6
Bahagian 3: Pengalaman kerjaya awal	9
Bahagian 4: Pengalaman kerjaya songket	12
Bahagian 5: Songket	19
Bahagian 6: Pencapaian	22
Bahagian 7: Sumbangan	23
Bahagian 8: Harapan	26
Rujukan	30
Lampiran	
Log wawancara	31
Diari kajian	38
Soalan temubual	41
Surat perjanjian	49
Gambar	50
Indeks	51

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan meneroka hasil tenunan songket sebagai salah satu warisan dan simbol tarikan di Malaysia. Kajian ini dilihat dari aspek peralatan, budaya, motif, penggunaannya dan tarikan tenunan songket di Malaysia. Songket merupakan kain tenunan tangan tradisional dari Orang Melayu dan keindahannya terletak pada reka bentuk motif songket yang ditenun secara rumit pada kain. Selain itu, pakaian songket mempunyai nilai yang tersediri oleh si pemakai kerana kerumitan motif dan kehalusan seni yang dipraktikkan oleh penenun songket melambangkan kedudukan si pemakai dan ketelitian seni warisan tenunan songket sejak berabad lamanya. Pendekatan kulitatif telah digunakan di dalam kajian ini dimanana teknik pengumpulan data dilakukan seperti temubual bersama tokoh songket negara bagi mendapat keterangan yang lebih terperinci mengenai perihal songket sebagai simbol warisan negara dan juga data yang dikumpul melalui rujukan dari para penyelidik tentang topik yang berkaitan dengan songket. Temubual dilakukan bersama seorang tokoh songket di Terengganu mengetahui latar belakang, pengalaman dan kemahiran beliau selama berkecimpung di dalam bidang tenunan songket di Malaysia. Kajian mendapati bahawa pemahaman mengenai sejarah tenunan songket yang telah lama berada di industri seni halus di Malaysia dan menjadi warisan negara sehingga kini. Selain itu terdapat faktor perubahan di dalam industri tenunan songket di era globalisasi ini meliputi kaedah pembuatan moden, motif dan keaslian fabrik songket, permintaan, dan trend pemakaian di fesyen moden mengikut cita rasa pengguna. Kajian ini juga mendapati permasalahan yang timbul iaitu pengekalan songket tradisional memerlukan semua pihak untuk memainkan peranan supaya industri songket dapat dimartabatkan sebagai warisan dan budaya negara Malaysia. Segala perubahan tidak dapat dielakkan. Namun, semua pihak haruslah bertanggungjawab mengekalkan motif dan keunikan songket yang menjadi tarikan dan sebagai simbol tarikan budaya di Malaysia.

Kata kunci: songket, motif, cabaran, warisan, fesyen moden.

## **ABSTRACT**

This study aims to explore the result of songket weaving as one of the heritages and symbol of attraction in Malaysia. This study is seen from the aspects of equipment, culture, motifs, use and attraction of songket weaving in Malaysia. Songket is a traditional hand-woven textile of the Malays, and the elegance of the design is weaved complex weaving. In addition, songket clothing has a value that is available to the wearer because of the complexity of motifs and artistic finesse practiced by songket weavers symbolize the position of the wearer and the accuracy of the art of songket weaving heritage since centuries. A qualitative approach has been used in this study where data collection techniques are done such as interviews with national songket figures to get more detailed information about songket as a symbol of national heritage and data collected through references from researchers on topics related to songket. The interview was conducted with a songket figure in Terengganu to find out his background, experience and skills while working in the field of songket weaving in Malaysia. The study found that the understanding of the history of songket weaving has long been in the fine arts industry in Malaysia and has become a national heritage to this day. In addition, there are factors of change in the songket weaving industry in this era of globalization including modern manufacturing methods, motifs, and originality of songket fabrics, demand, and wear trends in modern fashion according to consumer tastes. This study also found that the problem that arises is that the preservation of traditional songket requires all parties to play a role so that the songket industry can be dignified as Malaysia's heritage and culture. Any change is inevitable. However, all parties must be responsible for maintaining the motifs and uniqueness of songket which is an attraction and symbol of cultural attraction in Malaysia.

Keyword: songket, modern fashion, heritage, culture, motifs

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



Nama	:	Wan Manang Bin Wan Awang
Umur	:	67 tahun
Tarikh lahir	:	
Tempat lahir	:	Kuala Terengganu
Bilangan adik beradik	:	
Status	:	Berkahwin
Nama isteri	:	
Bilangan anak	:	
Bidang kerjaya	:	Usahawan tenunan songket
Hobi	:	Menenun songket
Nombor telefon bimbit	:	

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**

Sebagaimana yang diketahui oleh masyarakat di Malaysia, songket adalah sejenis kain yang biasanya ditenun dengan menggunakan tangan dan mempunyai corak-corak rumit benang emas ataupun perak. Songket bermaksud membawa keluar atau menarik benang daripada kain atau menenun menggunakan benang emas dan perak. Berdasarkan sejarah, songket hanya dipakai oleh golongan bangsawan ketika zaman dahulu kala. Golongan bangsawan yang dimaksudkan adalah seperti keluarga kerabat diraja dan pembesar-pembesar negeri. Pada zaman tersebut, pemakaian songket menggambarkan pangkat dan kedudukan tinggi seseorang pembesar dari segi kehalusan tenunan dan kerumitan motif corak songket tersebut. Sejak abad ke-13 yang lampau, songket telah terkenal di Malaysia dan Indonesia. Selain menjadi fabrik warisan agung, songket juga mempunyai nilai sejarah yang sangat tinggi sekaligus dapat mengangkat martabat seseorang yang memakainya. Penghasilan songket juga bukanlah satu proses yang mudah kerana ianya memerlukan minat, kesabaran dan kemahiran untuk menghasilkan fabrik sonket yang berkualiti tinggi. Encik Wan Manang bin Wan Awang merupakan salah seorang usahawan tenunan songket yang telah lama berkecimpung di dalam industri penghasilan songket di Malaysia. Encik Wan Manang Bin Wan Awang telah dilahirkan pada 15 Julai 1954 di Kampung Pulau Bahagia, Manir, Kuala Terengganu. Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Salmiah Binti Musa dan dikurniakan tujuh orang cahaya mata. Sejak kecil lagi beliau telah didedahkan dalam keluarga penenun kain songket. Oleh kerana mempunyai minat yang mendalam dalam bidang tenunan songket dan mendapat dorongan dan sokongan dari pelbagai pihak, beliau telah meletak jawatan sebagai Juruteknik di Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 1990 bagi menumpukan sepenuh masa dalam bidang perusahaan tenunan songket. Beliau juga telah banyak dinobatkan anugerah dan kini digelar sebagai Adiguru Kraf Songket. Oleh yang demikian, sumbangan dan juga sejarah penghasilan karya songket beliau amat menarik perhatian dan dapat dijadikan sumber inspirasi generasi muda bagi memartabatkan lagi industri tenunan songket di Malaysia.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang Encik Wan Manang bin Wan Awang dimana beliau merupakan seorang usahawan songket yang terkenal di Terengganu. Faktor dan dorongan daripada keluarga adalah antara sebab utama mengapa beliau melibatkan diri dalam bidang tenunan songket. Berikut adalah hasil rakaman.

**Petunjuk:**

EWM : Encik Wan Manang  
NS : Nurin Syazwani  
SNA : Siti Nor Aisyah

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

**NS :** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang warisan tenunan songket di Terengganu.

Bersama-sama kami ialah Encik Wan Manang Bin Wan Awang yang merupakan seorang seorang usahawan songket. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nurin Syazwani binti Mustapa dan saudari Siti Nor Aisyah binti Taliyang. Temubual ini dimulakan dengan saudari Siti Nor Aisyah mengenai serba sedikit mengenai latar belakang tokoh. Silakan saudari.

**SN :** Terima kasih saudari Nurin Syazwani.

**EWM :** Boleh kuat sikit? [kuatkan suara sedikit].

- SNA : **Baiklah encik.**
- EWM : Okay [baiklah] dengar dengar. Yang tu [itu, Nurin Syazwani] clear [jelas], yang nok [nak] cakap dengan saya ni kurang sikit [sedikit].
- SNA : **Okay [baiklah], dengar tak encik?**
- EWM : Boleh boleh tapi kalau boleh suara tu [itu] besar, kuat sikit [sedikit].
- SNA : **Okay [baiklah] boleh boleh. Pertama sekali bolehkan encik beritahu serba sedikit tentang latar belakang dimulakan dengan apakah nama penuh encik?**
- EWM : Okay [baiklah], saya Wan Manang Wan Awang. Umurnya [berumur] enam puluh tujuh [67] tahun, dilahirkan di Kuala Terengganu. Saya asalnya [berasal] anak Terengganu lah. Saya dilahirkan dalam keluarga penenun songket.
- SNA : **Okay [baiklah]. Adakah encik mempunyai nama timangan atau nama panggilan lain?**
- EWM : Dalam company [syarikat] saya ataupun dalam berurusan perniagaan saya dikenali dengan company [syarikat] saya iaitu Manang Songket. Dulunya [dahulu] kita [pemilik syarikat] bagi nama - dikenali dengan Wan Manang Songket tapi sejak akhir ni [ini] dalam sepuluh [10] – tahun ni [ini] dikenali dengan kita [pemilik syarikat] daftar perniagaan kita [pemilik syarikat] dengan nama Manang Songket Sdn.Bhd.
- SNA : **Okay [baiklah], boleh kami tahu bilakah tarikh lahir encik?**
- EWM : Sembilan belas lima puluh empat [1954] - lima belas haribulan tujuh sembilan belas lima puluh empat [15 Julai 1954].
- SNA : **Beralih ke soalan seterusnya, kami ingin mengetahui serba sedikit latar belakang encik seperti nama ibu dan ayah encik.**

- EWM : Okay [baiklah]. Ibu saya namanya [bernama] Hajah Kembang binti Zainal. Ayah saya Wan Awang bin Wan Long. Jadi ibu saya ni [ini] --- saya dapat --- okay lah [baiklah] saya dah jawab tu [itu] mungkin ada soalan lain lagi.
- SNA : **Okay [baiklah]. Encik mempunyai berapa bilangan adik beradik dan encik merupakan anak yang ke berapa?**
- EWM : Saya anak yang keempat [ke-4] daripada tujuh [7] orang adik beradik.
- SNA : **Okay [baiklah]. Bolehkah encik ceritakan sedikit tentang keluarga encik? Maksud saya isteri dan anak anak encik. Siapakah nama isteri encik?**
- EWM : Okay [baiklah]. Isteri saya bernama Salmiah binti Musa dan bilangan anak kami pun seramai tujuh [7] orang juga. Dua [2] lelaki lima [5] perempuan.
- SNA : **Isteri encik berasal dari mana?**
- EWM : Isteri saya pun berasal dari Kuala Terengganu juga negeri yang sama.
- SNA : **Apakah pekerjaan isteri encik?**
- EWM : Dulu [dahulu] kami sama sama bekerja dalam bidang di jabatan kerajaan lah. Saya dulu [dahulu] sebelum --- selepas habis tamat pengajian saya setakat tingkatan enam [6], saya bekerja sebagai juruteknik lah technician [juruteknik] pada masa itu pada tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977]. Dalam masa yang sama, pasal [kerana] saya berminat dalam perusahaan tenunan songket kesinambungan daripada nenek saya kepada ibu saya dan masa tu [itu] saya setelah habis – STP [Sijil Tinggi Pelajaran] saya takde [tiada] apa apa pekerjaan saya mencuba mengusahakan secara kecil kecilan tenunan songket ni [ini]. Tapi dalam masa yang sama saya mendapat jawatan di Jabatan Kerja Raya. Jadi dari situlah saya bekerja dalam masa yang sama berkecimpung dalam sebagai partime [sambilan] dalam tenunan songket. Jadi, setelah saya dah rasa saya ni [ini] --- ataupun nak teruskan soalan --- nanti yang tu [itu] --- ataupun saya teruskan?
- SNA : **Boleh juga encik teruskan.**
- EWM : Okay [baiklah]. Bila saya dah bekerja dalam jabatan kerajaan selama enam belas [16] tahun, saya rasa sampailah masanya untuk saya berhenti

pasal [kerana] untuk tumpukan sepenuh masa saya dalam bidang tenunan. Pasal [kerana] saya memang berminat,mempunyai pengalaman dan masa itu saya dah [telah] mempunyai pelanggan. Jadi kerana minat tu [itu] saya terus berhenti tanpa tunggu empat puluh [40] tahun. Masa tu [itu] umur saya tiga puluh enam [36] tahun, saya terus bereti [berhenti] daripada jawatan jabatan kerajaan. Jadi kalau sekiranya saya tunggu empat [4] tahun lagi mungkin saya dapat pencen lah tapi rasanya masa tu [itu] excited [teruja] sangat nak jadi usahawan saya terus berhenti.

SNA : **Kita beralih ke soalan seterusnya. Kalau tidak keberatan bagi encik, bolehkah encik ceritakan sedikit tentang anak anak encik seperti nama mereka, umur dan sedikit tentang pendidikan mereka?**

EWM : Okay [baiklah]. Anak sulung saya bernama Wan Nadia Amira. Dia telah tamat pengajian di [dalam] bidang tenunan songket di IKN Institut Kraf Negara setakat diploma. Dia dapat diploma daripada IKN [Institut Kraf Negara] lepas tu [selepas itu] dia bekerja --- dia tak bekerja, jadi dia bekerja dengan saya sekejap. Setelah dia kahwin, dia berkecimpung dalam bisnes bersama suami dia hingga sekarang. Anak yang kedua [ke 2] namanya [bernama] Wan Zakri Zulfahmi.

Dia dulu belajar di Universiti Islam. Habis tu [selepas itu] dalam masa yang sama dia dapat offer [tawaran] pergi ke Universiti Madinah. Pastu [selepas itu] dia belajar di Universiti Madinah selama enam [6] tahun sehingga dia balik, dia kahwin, dia bekerja dengan pejabat agama negeri Terengganu.

Anak yang ketiga [ke 3] Wan Nadira --- anak yang kedua [ke 2] ni [ini] lelaki namanya [bernama] Wan Zakri Zulfahmi, yang sulung tadi Wan Nadia Amira, yang kedua [ke 2] Wan Zakri Zulfahmi, dan yang ketiga [ke 3] anak saya perempuan namanya [bernama] Wan Nadira Farhana. Dia tamat pengajiannya di UIA [Universiti Islam Antarabangsa] dalam bidang - ekonomi. Habis tamat pengajian tu [itu] dia berkahwin dan bekerja bersama suaminya lah di bidang kilang kepunyaan keluarga dia [suami Wan Nadira].

Jadi, yang pertama tadi anaknya dah ramai seramai tujuh [7] orang, yang kedua [ke 2] dua orang [ mempunyai 2 orang anak], yang ketiga [ke 3] tiga orang [mempunyai 3 orang anak] - dan yang ketiga [ke 3] dua orang [mempunyai 2 orang anak ], sorry [maaf].

Yang keempat [ke 4] anak saya Wan Nadila Satirah, perempuan juga. Dia tamat pengajiannya di Uitm Kuala Terengganu, di Chendering. Masa

tu [itu] di Chendering masih ada lagi dalam bidang art and design [seni dan rekabentuk]. Sekarang dia bekerja dengan saya lah sebagai pembantu saya dalam bidang tenunan songket – tenunan songket.

Yang kelima [ke 5] lelaki Wan Benyamin Naim. Ini dia ambik [mengambil] kursus secara short term [jangka pendek] jelah [sahaja]. Kursus tenunan, kursus apa apa yang berkaitan dengan industri tenunan songket ini. Sekarang ni [ini] dia bekerja dengan saya, nama dia Wan Benyamin Naim. Itu anak nombor lima [5].

Anak nombor enam [6] Wan Nabila Sabrina. Yang ni [ini] dia telah tiga [3] tahun, empat [4] tahun dah [sudah] tamat pengajiannya, tak kemana mana [tidak sambung pelajaran]. Dia ambik [mengambil] short term [jangka pendek] juga belajar di [dalam] bahagian jahitan, bahagian mana tu[itu] - YPK [Yayasan Pembangunan Keluarga] dan kursus tenunan pun dia ambik [ambil]. Sekarang ni [ini] bekerja dengan saya. Itu nombor enam [6].

Dan yang last [akhir] sekali bongsu anak perempuan saya. Dia baru habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tahun lepas, dan sekarang dia belajar di - MSU.

- NS : **Kat [dekat] Shah Alam tu [itu] kan , pakcik [Encik Wan Manang]?**
- EWM : Bukan. Kuala Terengganu je [sahaja].
- NS : **Oh, Kuala Terengganu juga. Ingatkan dekat Shah Alam tu [itu].**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN**

- SNA : **Baiklah encik. Kita beralih ke sejarah pendidikan. Kita beralih ke soalan seterusnya mengenai tentang sejarah pendidikan awal sehingga ke peringkat tertinggi encik. Boleh kami tahu dimanakah encik bersekolah menengah?**
- EWM : Saya bersekolah menengah di Sekolah Menengah Tengku Bariah Kuala Terengganu dan pergi ke tingkatan enam [6], masa tu [itu] ada Maktab Adabi setakat STP [Sijil Tinggi Pelajaran] jelah [sahaja]. Selepas itu, mungkin masa tu [itu] susah nak pergi [masuk] ke universiti, swasta pun kurang masa tu takde [tiada universiti swasta pada masa itu]. So [jadi], pokcik [Encik Wan Manang] masa yang sama pokcik [Encik Wan Manang] dapat kerja, dapat belajar. Jadi pokcik [Encik Wan Manang] teruskan perusahaan tenunan songket ni [ini] yang pokcik [Encik Wan Manang] minat ni [ini].
- SNA : **Apakah subjek yang paling digemari ketika di sekolah menengah?**
- EWM : Okay [baiklah], masa tu [itu] memang pokcik [Encik Wan Manang] suka subjek seni. Seni lukisan, seni pertukangan tangan. Jadi yang selebihnya tu [itu] biasalah yang kita kena ambil [ambil] wajib kena ambil [ambil] tetapi itulah yang lebih pokcik [Encik Wan Manang] minat tu [itu]. Pasal [sebab] tu [itu] pokcik [Encik Wan Manang] boleh buat membuka perusahaan tenunan berkaitan dengan bidang seni lah juga.
- SNA : **Apakah pencapaian tertinggi dan terbaik pernah encik perolehi ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?**
- EWM : Oh itu pokcik [Encik Wan Manang] tak dapat apa apa yang terbaik. Pokcik [Encik Wan Manang] – biasa, student [pelajar] biasa takde [tiada] kelebihan apa apa [ketawa].
- SNA : **Apakah pengalaman atau memori yang paling encik tidak dapat dilupakan semasa di alam persekolahan?**
- EWM : Biasalah tu [itu] kita berkawan dengan kawan kawan, selain belajar [belajar] kita bermain. Habis tu [selepas itu] zaman tu [itu] takdelah [tiada lah] memori yang nak ingat betul betul yang boleh --- takdelah [tiada lah] jadinya. Pokcik [Encik Wan Manang] ni [ini] biasa je [sahaja]. Kalau --- biasalah macam budok budok [budak budak] biasa, nak kata pokcik [Encik Wan Manang] nakal, tak nakal sangat. Biasalah takdelah

[tiada lah] nak ponteng, nak panjat pagor [pagar] nak keluar, nak apa apa takdelah [tiada lah].

SNA : **Apakah cabaran dan halangan yang pernah encik lalui semasa zaman persekolahan?**

EWM : Masa zaman persekolahan takde [tiada] cabaran cuma kena belajar kuatlah. Tapi masa tu [itu] serba serbinya pokcik [Encik Wan Manang] daripada keluarga yang kurang kemampuan jadi susoh [susah] sikitlah. Jadi masa tu [itu] kat [di] rumah takde [tiada] elektrik, pelita [guna pelita], air telaga [guna air telaga], air paip tak ada masa tu [itu], dapur pun masok [masak] kayu [masak guna dapur kayu] ataupun masa tu [itu] ada dah dapur minyak. Itu saje [sahaja] pengalaman pokcik [Encik Wan Manang] dalam masa tu [itu].

Jadi pokcik [Encik Wan Manang] banyaknya [lebih banyak] duduk sendiri dalam sekolah [sekolah] tu [itu] duduk sendiri – rumoh [rumah] dengan adik beradik. Pasal [sebab] kampung pokcik [Encik Wan Manang] asalnya jauh masa tu [itu] takde [tiada] – takde [tiada] jalan raya cuma melalui motor bot penambang, motor bot saje [sahaja] perjalanan pergi ke bandor [bandar] ke tempat pokcik [Encik Wan Manang] dibesarkan.

Jadi itulah pengalaman pokcik [Encik Wan Manang] dari kecil [kecil] lagi dah bersusah payah masa di kampung dulu memang kita ni [ini] keluarga kampung biasanya suka suka lah --- kawasan rumoh [rumah] tu [itu] kawasan kampung tu [itu] luas jadi ada pok sedare [bapa saudara], mok sedare [ibu saudara], sepupu sepape [sepupu- sepapat] memang kita suka selalu bermain main pergi ke sungai tu [itu] ada kawasan pasir yang luas, petang petang pergi kesana bermain dengan adik beradik dengan sepupu sepape [sepupu-sepapat].

Daripada perjalanan ke sungai tu[itu] tak jauh dalam setengah kilometre je [sahaja] dari rumoh [rumah] ke atas tebing sana tapi antara tu [itu] sekeliling rumoh [rumah] kita tu [itu] memang ada pokok pokok duku. Kami ni [ini], keluarga kami dibesarkan dalam suasana pokok pokok duku, pokok durian.

Memang masa tu[itu] tahun di awal tahun lapan puluh an [80-an] pokok duku di Terengganu adalah popular [terkenal] pasal [kerana] tiap tiap tahun biasanya setahun sekali ataupun dua tahun sekali pokok berbuoh [berbuah] dengan lebat. Pokok pokok tu [itu] dipanjang diupoh [diupah]

oleh bapok [bapa] pokcik [Encik Wan Manang] dihantar eksport sapa [sampai] ke Singapura dan sapa [sampai] ke Penang.

Itu suka sangat jadi pokcik [Encik Wan Manang] pun masa kecil kecil [kecil kecil] selalu panjat selalu kutip kutip buoh [buah] tu [itu] selalu bekerjasama dengan orang tua [ibu bapa] untuk mengusahakan setahun sekali musim buoh [buah] terutamanya musim dukulah. Dalam masih dalam ingatan dibesarkan dalam kebun duku pokok duku.

- SNA : **Kita beralih ke soalan seterusnya. Adakah encik mengikuti mana mana kursus professional selepas tamat belajar?**
- EWM : Selepas tamat belajar tu [itu], kursus yang professional takdelah [tiadalah]. Setelah pokcik [Encik Wan Manang] berkecimpung dalam industri tenunan songket ni [ini], kursus tu [itu] memang pokcik [Encik Wan Manang] sentiasa ikuti. Kursus samaada persendirian, dibayar persendirian ataupun disponsor [ditaja] oleh perbadanan kraftangan ataupun bawoh [bawah] YPU, Yayasan Pembangunan Usahawan dan juga - persendirian lah kalau ada kursus tu [itu] demi untuk meningkatkan daya company [syarikat] --- untuk diri pokcik [Encik Wan Manang] dan juga pokcik [Encik Wan Manang] pun selalu ikutilah kursus kursus sebegini, kursus secara pendek ni[ini].
- SNA : **Okay [baiklah]. Boleh kami tahu kursus apakah yang pakcik ikuti itu?**
- EWM : Biasanya kursus untuk bahagian untuk pemasaran produk, pembungkusan produk untuk mempertingkatkan mutu produk dan pelbagai lagi lah yang demi untuk industri tenunan songket.
- SNA : **Dimanakah tempat kursus tersebut?**
- EWM : Kursus ini biasanya diadakan di pejabat atau jabatan YPU, Yayasan Pembangunan Usahawan ataupun di Kraftangan Chendering Kuala Terengganu ataupun sampai ke kraftangan ibu pejabat di Kuala Lumpur ataupun yang diadakan dimana mana lah di dewan yang telah diadakan ke, memang pokcik [Encik Wan Manang] ikuti.

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3 : PENGALAMAN KERJAYA AWAL**

- SNA : **Baiklah, kita beralih ke pengalaman kerjaya awal encik. Apakah pekerjaan yang dilakukan selepas encik tamat belajar?**
- EWM : Selepas tamat belajar, yang pokcik [Encik Wan Manang] bagitahu daripada awal tadi pokcik [Encik Wan Manang] bekerja sebagai --- pokcik [Encik Wan Manang] bekerja --- setelah tamat belajar tak pergi ke peringkat universiti setakat tingkatan enam [6] pokcik [Encik Wan Manang] berkecimpung dalam seni kebudayaan. Masa tu [itu] --- masa yang sama pokcik [Encik Wan Manang] juga mengusahakan tenunan songketlah secara sambilan. Dalam masa yang sama perusahaan ni [ini] pokcik [Encik Wan Manang] masuk dalam bahagian pemuzik tradisional negeri Terengganu iaitu pemuzik gamelan.
- Jadi masa yang sama kumpulan ni [ini] yang di bawah SUK [Setiausaha Kerajaan] kerajaan negeri Terengganu, dia nakkan [mahu] songket untuk digunakan pemuzik dan juga untuk penari-penari. Masa tu [itu] penari dikenali dengan penari sutra iaitu bawah setiausaha kerajaan negeri Terengganu. Dan masa yang sama pokcik [Encik Wan Manang] dapat tempahan untuk menghasilkan songket songket yang ditempah.
- Jadi dalam masa yang sama juga pokcik [Encik Wan Manang] masa tu [itu] diofferkan [ditawarkan] sebagai juruteknik dari jabatan kerajaan. Jadi masa yang sama pokcik [Encik Wan Manang] bekerja dengan kerajaan, masa yang sama pokcik [Encik Wan Manang] aktif juga dalam bidang kebudayaan tu [itu] dan juga pokcik [Encik Wan Manang] mengusahakan tenunan songket. Masa tu [itu] ibu pokcik [Encik Wan Manang] ada lagi, jadi ibu pokcik [Encik Wan Manang] bantu pokcik [Encik Wan Manang] dan pokcik [Encik Wan Manang] bantu ibu pokcik [Encik Wan Manang] untuk menjayakan industri tenunan songket pada peringkat awalnya.
- SNA : **Apakah yang mendorong encik untuk bekerja di bidang tersebut pada ketika itu? Maksud saya sebagai juruteknik di jabatan kerajaan.**
- EWM : Apa dia [soalan] tu? Sekali lagi.
- SNA : **Apakah yang mendorong encik untuk bekerja di bidang tersebut pada ketika itu?**

- EWM : Oleh kerana masa tu [itu], pokcik [Encik Wan Manang] tak aktif sangat untuk mengusahakan tenunan songket, tapi dalam masa yang sama pokcik [Encik Wan Manang] perlukan gaji dapat gaji bulanan untuk salah satu sebagai sara diri pokcik [Encik Wan Manang] dan juga sebagai modal untuk meneruskan industri songket ini. Dalam masa yang sama pokcik terima tawaran tu [itu] bekerja dengan agak menggalakkan lah jadi dalam masa yang sama pokcik mengusahakan juga tenunan songket di waktu tidak bekerja atau – petang .
- SNA : **Berapa lamakah encik bekerja di bidang tersebut sebelum menceburkan diri di dalam bidang tenunan songket?**
- EWM : Pokcik [Encik Wan Manang] bekerja selama dua belas [12] tahun, tujuh belas [17] tahun ataupun empat belas [14] tahun macam tulah [itu lah] rasanya.
- SNA : **Satu tempoh yang agak lama lah.**
- EWM : Agak lama.
- SNA : **Boleh encik ceritakan pengalaman manis ketika bekerja di bidang tersebut?**
- EWM : Pengalaman tu biasalah kita [Encik Wan Manang] duduk kerja dengan bawoh [bawah] satu badan kerajaan yang mempunyai ketua di atasnya. Pengalaman biasalah kita [Encik Wan Manang] kena bekerja bersungguh sungguh. Kalau tidak bersungguh, tidak mencapai matlamat apa yang ketua kita suruh memang kita ambik [ambil] risikolah untuk dimarahi [ketawa] ataupun di apa apa jelah [sahaja lah]. Jadi terpaksa menerima hakikat tu [itu]. Tapi oleh kerana pokcik [Encik Wan Manang] dah minat, pasal [kerana] mende [perkara] tu [itu] --- pokcik [Encik Wan Manang] tidak berapa [kurang] minat kerja jabatan kerajaan. Oleh kerana terpaksa kerja jadi nak sarakan diri nak dapatkan modal terpaksa teruskan jugalah walaupun yelah [begitulah] sebagai – kerajaan kita mempunyai ketua, ketuanya dia mesti strict [tegas] untuk mengarahkan kepada kita mana yang kita mampu buat, kita mampulah. Kalau tak mampu, beritahulah tak mampu. Itulah.
- SNA : **Baiklah. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik ketika bekerja di bidang itu?**
- EWM : Cabarannya kena kerja bersungguh sungguh, kerja kuat. Tapi kadang kadang masa masa tertentu kita berfikir juga memang kita [Encik Wan

Manang] ni [ini] setakat makan gaji je [sahaja] tapi pengalaman tu [itu] perlulah, pengalaman untuk bekerja. Tapi dalam masa sama saya peperiksaan untuk naikkan jawatan dalam pekerjaan tu [lulus] tadok [tiada] masalah [masalah]. Mungkin kalu [kalau] saya bereti [berhenti] semasa tu [itu] mungkin saya dapat special grade [gred istimewa] tapi special grade [gred istimewa] tu [itu] dalam jabatan kerajaan berbanding dengan kerja sendiri berapa sangat.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4 : PENGALAMAN KERJAYA SONGKET**

- SNA : **Kita beralih ke pengalaman kerjaya songket. Apakah yang menyebabkan encik mula berminat dengan bidang tenunan songket ini?**
- EWM : Okay [baiklah]. Pada permulaannya pasaran songket saya tak ramai, dikalangan kawan kawan ataupun sedare mare [saudara mara] itu sahaja. Pastu [selepas itu] dia [pasaran songket] meningkat hingga ke jabatan kerajaan kepada orang orang besar [atasan], orang orang VIP kerana kita memenuhi citarasa pelanggan masa tu [itu], mempunyai design [rekabentuk] yang cantik yang menarik serta dengan warna yang digemari pada ketika itu. Jadi oleh kerana mendapat sambutan jadi pasal [kerana] tu [itu] saya berhenti bekerja dalam jabatan kerajaan kerana mendapat sambutan yang agak menggalakkan. Dari situ kita [Encik Wan Manang] dapat nilaiakan hasil pulangannya yang memang betul betul bagus, betul betul baik kerana kita [Encik Wan Manang] pun berminat dalam masa itu.
- Dalam masa yang sama memang saya sendiri pun berminat dalam bidang kerjaya tersebut kerana dapat menghasilkan kreativiti yang kita lakukan dapat kepuasan apabila dapat kepuasan dapat pulangan yang lumayan. Jadi dari situ saya bertekadlah untuk bereti [berhenti] kerja jabatan kerajaan berbanding dengan kerja sendiri sebagai pengusaha tenunan.
- SNA : **Apakah faktor yang mendorong encik menjalankan dan mengembangkan bidang seni warisan songket?**
- EWM : Salah satunya saya dapat menghasilkan corak corak yang agak terkini yang agak menarik, agak lain daripada yang lain rare [jarang berlaku]. Masa tu [itu] memang saya mendapat sambutan yang bagus daripada peminat peminat songket. Katanya songket saya ni [ini] agaknya ada kelainan walaupun masa tu [itu] saya masihkekalkan lagi design design [rekabentuk] ataupun corak corak tradisional. Jadi dalam masa yang sama mendapat ilham mencipta mencreate [buat] design design [rekabentuk] yang cantik yang elok yang pada ketika itu jarang tidak ada lagi pengusaha yang betul betul boleh menghasil ciptakan corak design [rekabentuk], warna dengan kombinasi warna campuran sulamannya yang ketika itu kiranya baru dalam industri tenunan songket pada awal tahun lapan puluh an [80-an].
- Jadi saya berminat ni [ini] kerana itulah dapat sambutan. Tambah pulok [pula] saya dapat tempahan dari pihak perbadanan kraftangan masa tu

Karyaneka baru ditubuhkan setelah saya dapat tempahan daripada jabatan SUK [setiausaha kerajaan] negeri Terengganu untuk penari dan pemuzik kerajaan negeri. Saya, lepas tu [selepas itu] dapat tempahan daripada Karyaneka masa tu [itu] Karyaneka baru dibuka ditubuhkan, Karyaneka ni [ini] bawoh [bawah] anak syarikat Perbadanan Kraftangan Malaysia. Dalam masa yang sama saya dapat pasarkan produk saya kepada orang orang yang diataslah terutamanya orang orang VIP, orang istana. Itu memanglah saya mendapat sambutan daripada mereka semua menggalakkan saya menghasil meneruskan ciptaan saya.

**SNA : Boleh kami tahu dimanakah encik belajar menenun songket?**

EWM : Itu daripada nenek saya masa ibu saya ada lagi. Lepas tu [selepas itu] bila dah dia --- bimbingan daripada ibu saya lah masa nenek saya tu, saya tak berapa [kurang] aktif lagi, kecil [kecil] lagi pasal [sebab] saya dilahirkan dalam keluarga penenun. Nenek saya tu [itu] seorang penenun, adik beradik nenek saya seramai tujuh [7] orang sebelah ibu saya, tujuh [7] orang sorang [1 orang] lelaki enam [6] perempuan. Yang perempuan tu [itu] semua pandai menenun. Setiap kali pergi kerumah ikut nenek saya atau ikut ibu saya kerumah mereka, saya agak teruja untuk melihat teknik cara menenun begitu juga di rumah nenek saya pun mereka menenun, teruja dari kecil kecil [kecil kecil] lagi dah bermain di celoh celoh [celah celah] peralatan tenunan tu [itu] iaitu khe namanya dan juga alat menganim tu [itu] namanya anyam dan juga alat melera benang tu [itu] dia panggil alat Darwin.

Jadi memang teruja doh [dah] tengok nenek saya mencelup benang, dia buka kawoh [kawah] yang besar, taruk [letak] api, dia celup benang taruk [letak] warna – memang teruja dari kecil [kecil] lagi doh [dah] jadi tak heran [pelik] lah bila saya besar sikit [sedikit] tu [itu] memang saya dah benda benda [perkara perkara] tu [itu] boleh fokus lah, InShaAllah sampai ke sekarang. Nak kata belajar terus tu [itu] tidaklah, memang secara celoh menceloh [celah mencelah] masa tu [itu] duduk sebelah ibu sebelah nenek bila besar tu [itu] sendiri tahu benda benda [perkara perkara] gitu [macam itu] dan bila dah besar ni [ini] bila aktif ni [ini] kita tulah prosesnya memang banyak [banyak] proses daripada mencelup, melera, menganim, menggulung, menyapuk, mengarak hingga menyongket last last [akhir akhir] sekali menenun. Dia [membuat songket] lapan [8] proses semuanya.

**SNA : Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk encik betul betul mahir dalam penghasilan tenunan songket?**

- EWM : Dia penghasilan songket ni [ini] tidak semudoh [semudah] buat batik. Kalu [kalau] batik dia kain putih yang siap sedia ada fabrik putih yang sudah boleh di beli di kedai yang dalam gulung tu [itu] dihampar di – , dicanting, diterap, dicelup dijemur dah jadilah kain batik sama ada kain batik terap ataupun kain batik canting, canting berapa kali tu[itu] memang benda yang dah siap. Jadi kalu [kalau] berbanding dengan tenunan songket agak rumit sikit [sedikit] proses dia daripada segumpal setongkol benang tu [itu] kita mencelup apa apa yang kita nak warnanya lepas mencelup bila kering tu [itu] kita melerai benang tu [itu] dalam bentuk pelenting, pelenting buluh dulunya sekarang ni [ini] pakai PVC. Lepas [selepas] siap empat puluh [40] pelenting, lima puluh [50] pelenting kita kerjakan kerja kerja menganim iaitu manganim ni [ini] kerja menentukan berapa helai kita nak kain tu [itu], berapa panjang berapa meter dan berapa bidangnya sampin ke sarung ke selendang.
- Lepas [selepas] siap tu [itu] kerja kerja manganim tu [itu], kerja menggulung di papan gulung proses dia memang lapan [8] lepas [selepas] menggulung tu [itu] baru kerja kerja menyapuk, kerja kerja mengarok lepas tu [selepas itu] lastnya [akhirnya] kita buat motif design [rekabentuk] duk atas [di atas] helaian benang loseng tu [itu] lepas tu [selepas itu] kita siap semua proses tu [itu] barulah kerja menenun. Menenun ni last [akhir] sekali lah tapi yang proses tu [itu] mengambil masa sebulan [1 bulan] hingga dua bulan [2 bulan] lah baru siap, memang lambat.
- Bila siap tu [itu] baru kerja kerja menenun. Menenun tu [itu] bergantung atas motiflah sama ada kita nak corak motif tabor penuh ke corok [corak] yang bercorok [bercorak] diri [sendiri] ke corok [corak] bersulam berkerawang pohon bebunga tu [itu] itulah yang akan menentukan harga sehelai kain songket.
- SNA : **Pada tahun bilakah encik mula bergiat aktif dalam bidang songket ini?**
- EWM : Macam mana tu [itu]?
- SNA : **Pada tahun bilakah encik mula bergiat aktif dalam bidang songket?**
- EWM : Okay [baiklah]. Saya habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] habis – tahun sembilan belas tujuh puluh dua [1972]. Tujuh puluh dua [72], tujuh puluh tiga [73], tujuh puluh empat [74], tujuh puluh lima [75] saya pergi ke HSC [High School Certificate] tingkatan enam [6] atas bawah dan enam [6] atas. Lepas tu [selepas itu] saya menganggur dua [2] bulan kerana tak

dapat pergi ke lanjut pelajaran ke peringkat tinggi lagi. Jadi dalam masa yang sama saya masuk kumpulan kebudayaan tadi dan dalam masa yang sama juga saya dapat offer [tawaran] untuk bekerja di jabatan kerajaan.

Jadi yang saya betul betulnya aktifnya dalam masa saya bekerja. Tujuh puluh dua [72], tujuh puluh tiga [73], tujuh puluh empat [74], tujuh puluh lima [75], tujuh puluh enam [6], tujuh puluh tujuh [77] tu [itu] saya start [mula] dah cuba cuba untuk bidang tenunan songket ini. Jadi apabila tu [itu] slow slow [perlahan perlahan] dalam masa yang sama saya bekerja jabatan kerajaan jadi saya --- masa saya sebagai technician [juruteknik] ada masa free [lapang] lah saya pergi lawatan ke tapak dan masa sama saya mencelah jugalah kepada mengimbau melihat pekerja tenunan yang dijalankan oleh penenun saya ketika itu.

**SNA :** **Seterusnya, boleh kami tahu siapakah yang memberi sokongan yang sepenuhnya kepada encik untuk menceburi bidang songket ini?**

**EWM :** Okay [baiklah]. Masa tu [itu] ibu saya ada, dia lah yang paling bagi semangat kepada saya lah itu pun saya dapat bantuan tunjuk ajar daripada dial ah banyaknya, ibu saya tu [itu]. Dalam masa yang samanya dari segi modal masa tu modal sendiri dan modal pun daripada ibu saya dan juga ayah saya. Jadi situlah saya dapat galakkan dapat peransang daripada mereka berdua masa mereka masih ada lagi. Dan juga selain tu [itu] daripada kawan kawan, adik beradik, bila dah kahwin tu [itu] isteri saya yang bagi semangat walaupun isteris saya pun dulu [dahulu] bekerja juga tapi setelah berapa tahun bekerja dia berhenti kerana membantu saya dalam bidang ini.

**SNA :** **Bagaimanakah encik menguruskan masa kerjaya awal dan juga pada masa yang sama mempelajari ilmu tenunan songket?**

**EWM :** Itulah benda [perkara] ni [ini] sebetulnya minat. Kalau ada minat semuanya jadi. Jadi masa saya ambil untuk – kerja yang sama tu [itu] saya memang concentrate [bagi perhatian] daripada pukul lapan [8] sampai pukul empat [4] petang di bidang kerjaya saya masa tu [itu]. Tapi walau macam manapun, masa rehat saya celoh [celah] juga untuk bidang tenunan songket. Bila petang tu [itu], saya teruslah ambik [ambil] handle [urus] perusahaan tenunan ni [ini] terutama pada hari minggu tak bekerja hari Jumaat hari Sabtu tapi pandai pandailah kita menguruskan masa. Masa tu jabatan kerajaan JKR [Jabatan Kerja Raya] dikenali dengan jangan kerja rajin [ketawa], selalu memang kawan kawan saya lah biasalah.

- SNA : **Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik di dalam membahagikan masa untuk menceburi bidang songket dan juga pekerjaan awal ketika itu?**
- EWM : Cabaran takdelah [tiadalah] kita jalankan tanggungjawab kita sebagai kakitangan kerajaan. Dalam masa yang sama kita celoh celoh lah [mencelah] masa untuk bisnes [perniagaan] kita persendirian tu [itu]. Takde [tiada] cabaran biasa asal kita beres [selesai] dengan kerja yang kita jalankan tu [itu] apa yang dia nok [mahu] tu [itu] dalam masa yang dia hadkan itu --- pasal [sebab] saya banyak kerja site [tapak], kerja kat [di] lour [luar] jadi pandai pandai lah kita gunakan masa.
- SNA : **Boleh kami tahu serba sedikit tentang pengalaman manis encik ketika menjalankan perniagaan tenunan songket ini?**
- EWM : Okay [baiklah]. Kenangan manis itu banyak sangat lah sangat sangat teruja terutamanya dapat tempahan. Tempahan pertamanya saya dapat tempahan daripada jabatan kerajaan bawah SUK [setiausaha kerajaan] ketika itu setiausaha kerajaan negeri Terengganu untuk pakaian untuk penari penari gamelan, penari gamelan semua pakai songket. Tahu penari gamelan? Tahu kan?
- SNA : **Tahu tahu.**
- EWM : Orang Terengganu tahu lah dia panggil kalau pergi ke google gamelan tahu lah dekat Pahang dikenali zaman dahulu pasal ni [ini] penari gamelan ni [ini] adalah kesinambungan daripada penari penari istana lama dulu [dahulu] di Terengganu daripada istana Pahang lagi. Jadi, masa yang sama lama saya dapat tempahan pakaian songket tuk [untuk] penari penari gamelan dan juga pakaian samping, kain samping untuk pemuzik pemuzik tarian gamelan masa tu [itu] saya salah seorang ahli pemuzik di kumpulan tersebut. Jadi berterusan itu, saya mendapat tempahan daripada Karyaneka, masa itu Karyaneka baru dibuka anak syarikat pada kumpulan kraftangan dibuka di jalan Raja Chulan Kuala Lumpur, saya mendapat tempahan dari sebulan ke sebulan dari sebulan ke sebulan memang excited [teruja] sangat masa tu [itu] sponsor [tajaan] tak ramai, sponsor [tajaan] tak ramai.
- Seperti saya masa tu [itu] tahun lapan puluh an [80-an] tu [itu] lepas tu [itu] dapat tempahan daripada istana istana untuk pakaian raja raja untuk pakaian raja sebagai persalinan untuk raja perempuan dan sultan mendapat istana daripada istana Terengganu masa tu [itu] istana daripada Kedah, daripada Johor kurang dia pakai samping je [sahaja], Selangor

dan lain lain lagi lah. Saya mendapat --- tapi bukan saya sorang [seorang] je [sahaja] masa itu pengusaha lain pun ada juga. Jadi memang saya excited [teruja] dan yang paling teruja sangat pada tahun saya lupa dah masa tu [itu] Sultan Brunei datang ke Terengganu tahun sembilan puluh an [90-an] saya rasa masa kemangkatan sultan -ayah kepada Sultan Mizan sekarang Tuanku Sultan Mizan sekarang. Ayahanda dia mangkat masa itu Sultan Brunei datang dia tempah songket dia nak songket saya. Banyak dia beli songketnya dan dia tempah juga untuk istana dia lalah dalam jumlah yang agak banyaklah. Memang saya cukup cukup excited [teruja] dapat membekalkan songket kepada istana Brunei. Selepas itu diikuti lagi lah jabatan jabatan, istana istana, orang besar [atasan], orang orang VIP, menteri menteri sampai ke sekarang lah, InShaAllah lah.

SNA : **Kita beralih ke soalan seterusnya. Adakah anak-anak encik menceburi bidang tenunan songket ini?**

EWM : Okay [baiklah]. Satu lagi saya nak tambah selain dari itu saya mendapat tempahan juga untuk --- tahun berapa --- untuk pameran di London bersama Karyaneka. Masa tu [itu] Raja Permaisuri Terengganu sebagai Permaisuri Agong dia merasmikan di London masa itu Harrods, kita membekalkan songket di – dan juga saya dalam masa yang sama mendapatkan buat pameran dan jualan di Milan, di Paris melalui kerajaan negeri Terengganu masa ketika itu. Di Amsterdan and [dan] then [kemudian] yang negara sebelah blok barat ni [ini] dan diikuti juga dengan negara negara sebelah Nusantara ni [ini] seperti Cina di Liang City [Bandar Liang] itu bawah bawah bank bank Malaysia ke Liang City [Bandar Liang], ke Bali, ke Indonesia, beberapa tempat juga dan banyaknya ke Singapore, selebihnya dalam negara lah. Pergi [sambung] soalan tadi, apa tadi?

SNA : **Adakah anak-anak encik menceburi bidang tenunan songket ini?**

EWM : Okay [baiklah]. Anak sulung saya yang mendapat diploma pendidikan diploma di IKN, Institut Kraf Negara dalam bidang tenunan songket tapi dia tak berapa lama bekerja dengan saya. Setelah dia kahwin dia menjalani bisnes [perniagaan] sendiri bersama suaminya. Anak nombor empat [4] iaitu yang Nadila Safira tu [itu] yang art and design [seni dan rekabentuk] diploma di Uitm Chendering itu memang bekerja dengan saya memang dia minat dia masih menguruskan perusahaan saya dan yang lelakinya yang Wan Benyamin Naim tadi yang saya bagitahu tadi, dia lalah yang banyak mengusahakan. Jadi yang sekarang ni [ini] Nabila pun dah [sudah] meminati juga. Jadi sekarang ni [ini] anak saya yang

menguruskan saya duduk kat [di] belakang sahaja. Saya support [sokong] mereka bagi semangat kat [kepada] dia [anak anak] dan yang mengurusnya adalah anak saya yang keempat [ke 4] Wan Nadila Safira yang art and design [seni dan rekabentuk] Uitm tu [itu], pastu [selepas itu] Wan Benyamin Naim adiknya dan Wan Nabila Sabrina. Tiga [3] orang yang berkecimpung dalam bidang tenunan songket ini.

Memang diorang [mereka] ni [ini] semua boleh buat lah daripada proses semua daripada mencelup, melerai, menganim – menggulung, mengarak, menyongket hingga menenun diorang [mereka] semua dapat membuatnya walaupun dia [anak anak] tak mahu menenun, dia [anak anak] mesti tahu sebagai usahawan dia [anak anak] mesti tahu proses semua itu. Kalau tidak dia [anak anak] tidak tahu macam mana nak tunjuk ajar kepada penenun dia [anak anak] nanti penenun dia [anak anak] buat silap dia [anak anak] sendiri pun tak tahu nak complain [tegur] tak tahu nak beritahu. Dia [anak anak] kena ambil tahu semua tu [itu].

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5 : SONGKET

- SNA : **Beralih ke soalan seterusnya mengenai serba sedikit tentang songket yang akan ditemubual oleh saudari Nurin Syazwani. Silakan.**
- NS : **Kalau encik tidak keberatan boleh tak encik ceritakan serba sedikit tentang proses pembuatan songket?**
- EWM : Benangnya biasalah kita banyak buat benang sutera. Dia ada dua [2] kategori benang, satunya benang cotton, polyester cotton benang yang dah siap dicelup kita boleh beli dimana mana kedai ataupun kita order daripada Cina. Benang dah siap dicelup. Kalau satu lagi tu [itu] benang sutera dia dalam bentuk pan silk. Pan silk ni benang yang bentuk hang [gantung] ataupun ‘kecek’ istilah Terengganu panggil ‘kecek’ orang putih panggil hang [gantung] dia [benang] bukan bentuk tongkol lah. Benang ini kita basuh dulu dan kita rendam lepas tu [selepas itu] kita celup warna apa yang kita nak dan nak celup ni terpaksa guna air panas, kita gunakan air panas kalau nak eloknya kita masak air panas menggelegak mendidih kita masukkan bahan benang sutera tadi jadi bila colour [warna] itu akan meresap warna itu akan pegang pada benang tersebut tanpa luntur. Bila kering benang itu, kita jemur benang itu, bila kering kita buat proses melerai benang. Kita letakkan pada berapa puluh pelenting iaitu pelenting buluh. Dulu peleting buluh sekarang tak pakai buluh dah, susah buluh,buluh cina tu. Sekarang ni [ini] kita gunakan batang paip PVC.

Setelah selesai kerja kerja melerai benang itu, kita buat proses menganim iaitu menganim ini adalah proses untuk menentukan berapa helai atau berapa panjang kain yang kita nak tu [itu] dan berapa lebar bidang kain tu [itu] sama ada untuk kain sarung ke, samping ke ataupun selendang. Jadi lepas [selepas] proses manganim kita pergi kerja kerja menggulung pada papan gulung. Lepas [selepas] kerja menggulung tu [itu] kita akan membuat kerja menyapuk kita menyapuk kita masukkan helaian benang benang tersebut ke dalam gigi jentera ada proses kerja menyapuk.

Lepas tu[selepas itu], kerja kerja mengarak. Mengarak ni [ini] untuk kita buat kita jalin benang benang di sebelah jentera tadi untuk membuatkan proses benang loseng terbukak [terbuka] atas bawah masa proses menenun. Lepas [selepas] siap tu [itu] kita buat design [rekabentuk], kalau orang pandai tu [itu] dia boleh buat design [rekabentuk] diatas loseng tersebut, kalau yang agak kurang tu [itu] dia akan lukis di kertas graf dulu [dahulu] sebelum dapat design [rekabentuk] tu [itu] baru dia

kerja kerja menyongket. Menyongket ni [ini] agak lama sikit [sedikit] pasal [kerana] dia menentukan motif design [rekabentuk] yang kita nak tu [itu], sama ada kita nak corak tabur ke, corak penuh, corak berdiri, corak melintang ataupun corak corak yang digemari sekarang iaitu berbunga berkerawang berdaun. Macam tu [itu] lepas siap complete [selesai] semua tu [itu] baru lah kerja kerja penenungan sama ada kita nak bagi ke penenun lain atau terus tenun sendiri pun bergantunglah proses itu memang ambil masa yang agak lama lah lapan [8] proses yang saya bagitahu itu.

- NS : **Jadi berapa lama masa yang diambil untuk siap satu helai songket?**
- EWM : Untuk menenun kain songket, siap menenun ke?
- NS : **Siap satu helai songket. Jadinya dah habis proses proses tersebut yang encik ceritakan tadi tu [itu] berapa lama?**
- EWM : Itu bergantung atas banyak perkara nak siapkan satu helai kain samping ataupun kain sarung, bergantung atas material [bahan] yang kita guna tu [itu], sama ada material [bahan] yang kita guna tu [itu] benang polyester cotton ataupun benang sutera. Kalau [kalau] benang polyester cotton dia agak kasar sikit [sedikit] keras sikit [sedikit] kalau kita tenun dia cepat siap pasal [sebab] benang tu [itu] kasar. Kalau benang sutera nama benang sutera memang sesuai dengan namanya sutera ni dia halus benangnya lembut itu mengambil masa yang agak lama untuk menenun menyiapkan satu helai songket.

Itu bergantung atas material [bahan] yang kita guna, keduanya atas motif design [rekabentuk]. Kalau design yang kita buat tu [itu] untuk corak tabur agak simple, tabur – itu cepat siap. Kalau agaknya kalau corak penuh satu warna penuh guna benang mas [emas] semua ataupun silver [perak] semua itu pun agak cepat tetapi yang lambatnya agak rumitnya kerja kerja menenun songket yang bermotif pepohon berbunga atau bersulam warna warni. Bukan dia gunakan yang kita bagitau tadi benang silver [perak] sahaja ataupun benang emas sahaja tetapi kalau yang motif pepohon, berbunga, bersulam, berpagar ni [ini] dia kombinasi banyak warna selain daripada emas, silver [perak] diguna juga warna pneumatik colour [warna] warna merah ke, oren ke, hijau ke, biru ke, kuning ke, pink ke. Ini masa kerja kerja tu [itu] dipanggil kerja cobak, menenun cara cobak, dia akan menyolek satu satuh dia tidak akan lancar terus benang tu [itu] – tak ada, dia akan berhenti ambil warna ni [ini] pulak [pula], berhenti ambil warna ni [ini], baru teknik sulam, itu mengambil masa

yang lama. Kalau yang kata satu warna tadi, yang corak tabur ataupun corak penuh tadi yang satu warna tu [itu] ambil masa sebulan [1 bulan] je [sahaja], sebulan [1 bulan] lebih siap.

Dia akan lebih sebulan [1 bulan] atau kurang lebih sebulan [1 bulan] untuk satu helai kain samping atau kain sarung sebanyak dua [2] meter setengah, tetapi kombinasi warna yang bersulam sulam dengan pelbagai warna, itu mengambil masa yang agak lama dua [2] hingga empat [4] bulan satu helai, rumit. Satu satu, satu satu dia sulam tu satu satu kalau yang satu warna tu [itu] terus lancar dibalas macam tu [itu] dilantak je [sahaja]. Itu memang ambil masa yang cepat. Jadi harga pun bergantung atas material [bahan] yang diguna juga bergantung atas kualiti design [rekabentuk] dan juga kualiti teknik tenunan. Ia tiga [3] je [sahaja] yang mempengaruhi cepatnya lajunya lambatnya kain kain sehelai kain tu [itu] dan juga menentukan harga tersebut.

**NS : Soalan seterusnya, apakah peralatan yang digunakan untuk menenun songket?**

**EWM :** Dia yang asasnya dipanggil khe tenunan K.H.E, itu adalah mesin yang untuk mengeluarkan satu satu helai kain songket. Yang proses tadi tu [itu] dia banyak benda yang termasuklah dalam khe tu [itu] macam tadi tu [itu] ada yang papan papan gulung, jentera gigi untuk masukkan benang benang. Jadi yang utamanya ada khe tu [itu] boleh tenunlah takde [tiada] masalah lah. Proses tu [itu] yang tadi, lapan [8] proses tu [itu] dilakukan atas satu gigi jentera melibatkan papan gulung, melibatkan kerja kerja tadi lali yang last [akhir] sekali menyongket itu dipanggil gigi jentera, bila siap gigi jentera tu [itu] dengan motif sekali proses sekali tu [itu] kita pasang diatas khe tenunan, diorang [pekerja] penenun duduk diatas khe tenunan dia terus menenun lah takdok [tidak ada] masalah lah tu [itu].

#### **TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6 : PENCAPAIAN**

**NS :** Soalan berikutnya tentang pencapaian. Sepanjang mencebur i bidang songket ini, apakah pencapaian atau anugerah yang diperolehi oleh encik?

**EWM :** Okay [baiklah]. Saya pada peringkat awalnya saya telah mendapat anugerah sebagai usahawan - ada yang dianugerahkan oleh kerajaan negeri Terengganu usahawan - tokoh usahawan kategori – itu dalam lapan [8] tahun lepas tokoh usahawan bidang tenunan dan pelancongan - yang diikuti dengan tokoh usahawan cemerlang oleh Jabatan Perdana Menteri - anugerah usahawan Terengganu pada tahun dua kosong tiga belas [2013], diikuti dengan - anugerah usahawan Terengganu kategori pelancongan kraf dan warisan. Lepas tu [selepas itu] diikuti dengan - anugerah usahawan cemerlang SDSI [Satu Daerah Satu Industri] dua puluh enam belas [2016] anugerah usahawan cemerlang SDSI [Satu Daerah Satu Industri] bagi cluster produk kraf. Ini bawoh [bawah] – JPM [Jabatan Perdana Menteri] unit penyelarasan pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

And [dan] then [kemudian] lepas itu, diikuti oleh watikah pelantikan adiguru yang terkini ini, yang terkini adiguru kraf bidang kraf songket ini dua kosong sembilan belas [2019] yang terkinilah tu [itu]. And [dan] then [kemudian], yang dulunya yang peringkat mula mula tahun dua kosong kosong tiga [2003] pokcik [Encik Wan Manang] dah dapat sijil penghargaan sebagai pencalonan peringkat akhir dalam bidang anugerah tokoh usahawan kraf dua kosong kosong dua [2002]. Itu sahaja pencapaian pokcik [Encik Wan Manang] setakat ini, yang terkini sebagai adiguru lah tahun dua kosong sembilan belas [2019].

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7 : SUMBANGAN

- NS : Soalan berikutnya tentang sumbangan. Boleh kami tahu sepanjang encik menjalankan perniagaan tenunan songket ini, apakah sumbangan encik di dalam memartabatkan industri songket di Malaysia?
- EWM : Itulah kita pun memang bekerja keraslah dalam kita mengadakan promosi cara untuk mendapat galakan pengongsian [perkongsian] yang sama daripada badan kraftangan, daripada kerajaan negeri Terengganu dan badan kraftangan ini mewakili kerajaan Malaysia lah. Itu yang menggalakkan sayanya kerana dapat mengenali kawan kawan pelbagai peringkat pengguna tenunan yang meminati tenunan songket dari peringkat bawahan, pertengahan dan orang atasan. Dalam masa yang sama, saya dapat menimba ilmu dalam bidang ini dengan melawat negara negara luar sama ada yang dianjurkan ataupun yang disponsori [ditaja] oleh kerajaan negeri Terengganu bawah YPU [Yayasan Pembangunan Usahawan] juga bawah Perbadanan Kraftangan Malaysia.

Dan juga saya pernah menghadiri simposium tekstil di Brunei empat [4] tahun lepas, diikuti dua [2] tahun lepas di Jogjakarta [Yogyakarta] menghadiri seminar tersebut tekstil, dan juga pernah empat [4] tahun lepas saya mengikuti mengiringi Tuanku Tengku Puan Pahang. Masa itu dia belum ditabalkan menjadi agong lagi lah. Pergi lawatan bersama beliau ke Chiang Mai, ke Vietnam dan juga ke Kemboja then [kemudian] ke Laos. Tiag [3] negara di sebelah utara sana.

Di sana saya dapat belajar bidang teknik tenunan diorang [mereka] lah terutamanya tenun nak ikat – dapat menimba ilmu teruja sangat. Di Brunei pun saya mengikut Tuanku juga pergi lawatan ke pusat pusat tenunan di Brunei. And [dan] then [kemudian, selebihnya memang saya sendiri lah pergi lawatan ke luar negara ke Thailand ke Indonesia di Sumatra, Palembang dia banyak menggunakan teknik teknik ikat lima. Apa yang saya buat sekarang ni [ini] memang banyak kain lima bersongket lah. Selain itu, selebihnya macam empat [4] tahun lepas saya sebagai pembentang ceramah tenunan songket di Malaysia oleh Muzium Negara bertempat di Muzium Negara lah masa tu [itu]. Yang terlibatnya negara negara asia dari Thailand, Indonesia, Brunei, Vietna, Laos. Saya salah seorang pembentang lah. Kalau selebihnya saya selalunya diberi ceramah tentang songket kalau sekiranya ada kursus ke tau saya ada

taklimat atau apa apa lah kalau diundang untuk saya memberi ceramah tentang tenunan songket masih lagi aktif lagi lah.

NS : **Sebagaimana yang kita ketahui, tenunan songket agak terkenal di negeri pantai timur, apakah sumbangan encik di dalam penghasilan songket sebagai satu simbol tarikan budaya kepada pelancong di Terengganu?**

EWM : Yang itu, memang saya ni [ini] memang selalu lah mempromosikan songket tapi kena tahu songket Malaysia ni [ini] lapan puluh [80] percent [peratus] pengeluaran songket adalah dari negeri Terengganu. Selebihnya dari Kelantan sikit [sedikit], dari Pahang sikit [sedikit], daripada Rejang sikit [sedikit]. Songketnya yang selebihnya memang lapan puluh [80] peratus memang dari hasilnya dari Terengganu. Tapi untuk saya menghasilnya, memang saya masih aktif lagi menghasilkan tenunan songket saya. Dengan corak dengan design [rekabentuk] dengan identiti saya tersendiri lah. Tapi bagi peminat songket, dia akan tahu ini songket Wan Manang, ini songket orang ini, ini orang ini.

Tapi saya dengan secara tidak langsungnya, saya memang saya masih lagi aktif masih lagi memberi sumbangan secara tidak langsung walaupun akan datang mungkin saya tidak meneruskan lagi tapi anak anak saya ada kesinambungannya kepada anak anak saya seterusnya kepada cucu cucu lah. Tapi saya dapati sekarang ini, walaupun songket ni [ini] ramai dah pengusaha yang berkubur. Boleh bilang dengan jari yang masih aktif lah yang betul betul aktif dalam tenunan songket di Terengganu ni [ini]. Tapi kita kena ingat, songket yang dijual di kedai payang, dia bukan sebagai pengusaha, dia hanya menjual, mengambil songket daripada penenun penenun persendirian di kampung kampung. Tapi saya memang menghasilkan dan menjual sendiri produk songket ini. Nak kata sumbangan secara tidak langsung tu [itu] memang lah, saya masih lagi aktif masih bergerak lagi masih ada kesinambungan daripada nenek saya, ibu saya, saya sendiri dan kepada anak anak saya, generasi akan datang. InShaAllah.

NS : **Okay [baiklah] encik. Yang sebelum pandemik ni [ini] kan industri pelancongan kita masih bergiat aktif, bergerak maju. Sebelum itu, ada ke pelancong pelancong dari negara luar datang ke kilang encik untuk membuat trip [lawatan] dan encik tunjukkan serba sedikit tentang songket, terangkan serba sedikit tentang songket dekat diorang [mereka], macam perkenalkan songket negara kita kepada orang luar?**

EWM : Itu memang lumrah memang biasa pada songket kita songket Manang songket ni, selalu menerima kunjungan bukan pelawat pengunjung pembeli dalam negeri, dalam negara dan juga luar luar negara yang selalu datang. Tetapi sejak akhir akhir ni [ini], terhalang dengan pandemik covid ni [ini], memang terbantut bukan pengusahaan songket sahaja, pengusahaan batik ke apa apa yang melibatkan pengusahaan memang terbantut, memang terasa sangat. Walau macam mana pun pokcik [Encik Wan Manang] masih meneruskan aktiviti ini masih menjalankan aktiviti ini, tapi agak dalam bilangan kecil sikit [sedikit] lah. Bila benda ini dah pulih balik InShaAllah dia akan maju balik.

Pengalaman saya dalam bidang tenunan songket ni [ini] sejak dulu [dahulu] sampai sekarang, dia akan ada level level [tahap] tertentu, maksud saya dia akan naik dia akan stabil, dia akan naik dia akan stabil ataupun dia turun sikit [sedikit] stabil balik lepas itu dia akan naik balik stabil balik dan dia tidak akan jatuh menjunam. Tetapi bila covid ni [ini], kita cuma stabil, turun je [sahaja] sikit [sedikit] tapi tidak turun menjunam lah. Tapi masih ada pengguna, peminat yang inginkan produk songket ini walaupun kita bersaing hebat dengan produk import.

#### **TAMAT BAHAGIAN 7**

## BAHAGIAN 8 : HARAPAN

- NS : **Soalan berikutnya tentang harapan. Apakah harapan encik dalam memartabatkan industri warisan tenunan songket di Malaysia?**
- EWM : Memang harapan saya adalah besar sekali supaya penerimaan masyarakat Melayu dan bukan Melayu sahaja, bangsa bangsa lain pun harus mengingati produk tempatan. Kalau songket kita ni [ini] masih diguna sekarang, tetapi bersaing dengan supplier supplier [pembekal] import, supplier [pembekal] import ni [ini] tengok sekali pandang, sekilas pandang dia serupa dengan kita juga. Tapi bila diamati diambil perhatian memang dia sangat berbeza dari segi mutunya, dari segi material [bahan] digunanya tidak berapa kualiti, dari segi motif design [rekabentuk], dari segi coraknya tidak ada corak kemelayuan kita. Dia sekadar Nampak kilauan benang emas dan perak sahaja. Tapi itulah masyarakat sekarang, kita nak buat macam mana Cuma kita sebagai pembuat, memang sentiasa war warkan [hebohkan] guna produk kita. Walaupun katakana harganya mahal katanya, tapi kita juga ada kategori murah tidak semuanya mahal. Itulah penerimaan masyarakat sekarang. Tapi bukan songket sahaja produk lain pun semua ada persaingan. Biasalah cabaran pengusaha tenunan ataupun pengusaha apa apa ju.
- Jadi kalau diorang [mereka] tu [itu] faham dia tahu betapa susahnya betapa rumitnya untuk siapkan satu helai songket dia boleh terima. Tetapi kalau yang import yang kata dari luar tu [itu] diperbuat dari mesin, memang takde [tiada] kualiti berbanding dengan kita tenunan yang dihasilkan menggunakan jari jemari satu persatu helai benang itu.
- NS : **Apakah harapan encik terhadap generasi muda pada masa kini untuk meneruskan legasi penghasilan songket di Malaysia?**
- EWM : Itulah kita harapkan generasi muda akan datang sekarang ini kena ada minat untuk menggunakan songket tempatan itu. Satu lagi yang tidak berapa eloknya penjual penjual di kedai kedai yang mengatakan songket songket Terengganu sedangkan dia jual tu [itu] songket songket import bukan songket tempatan. Itu satu penipuan kepada pembeli tapi kadang kadang pembeli kena sedar kena tahu kena buka mata sedikit, kena beza kena tahu perbezaan antara songket import dengan songket tempatan. Tapi tidak tahulah orang muda sekarang ni [ini] citarasa dia berbeza beza. Kalau boleh kita tidak mahu tertipu oleh penjual. Itulah kalau bagi orang yang tahu betapa susahnya untuk menghasilkan tenunan songket ini, dia akan tahu dia akan berpegang kepada – macam mana untuk

menghasilkan, macam mana nak buatnya, dari segi motif, material [bahan], design [rekabentuk], dari segi ambil masa untuk menyiapkannya. Dia kena tahu itu semua. Tapi bagi orang tahu bagi sekilas pandang dia tahu ini songket tempatan, ini pakai ini songket import, dia boleh tahu ini tangan [guna tangan], ini mesin [guna mesin] dia akan tahu. Satu lagi saya nak tamboh [tambah]. Itulah saya merayu kepada pengguna orang ramai, gunalah produk tempatan, banggalah dengan produk tempatan seperti negara negara luar tu [itu], macam Brunei, negara Brunei walaupun dia ambil juga songket songket luar, dia bangga dengan penggunaan songket dia. Dia kata songket dia cantik. Saya pernah promosi disana dia kata songket dia lagi cantik. Itu terpulanglah atas penerimaan dia. Tapi persepsi penggunanya kena faham songket tempatan dari segi kualiti dia. Bagi saya, saya tidak hairan dia guna songket mana mana pun tidak apalah atas kemampuan dialah. Kalau tertipu, ramai orang tertipu songket luar songket import dia kata songket tempatan, songket Terengganu songket Malaysia itulah satu penipuan yang tidak patut berlaku. Pasal [kerana] kita kena tahu yang mana import yang mana tempatan.

Saya selalu berpesan dan orang tanya tentang masa depan songket ini saya rasa saya tak bimbang sebab saya pegang pada kata kata saya ni [ini], selagi ada orang Melayu, selagi ada istiadat Melayu, selagi ada sistem beraja di Malaysia ni [ini] selagi itulah songket tak akan pupus di Malaysia ni [ini].

- NS : **Betul. Sebab generasi muda pun banyak yang suka songket kan sekarang sebab dia punya corak, lagipun dia punya keunikan. Cumanya generasi muda masa kini kena belajar lagi dalam pasal mana satu songket tempatan dan juga songket luar.**
- EWM : Betul betul.
- SNA : **Maafkan saya mencelah encik. Macam mana nak tahu beza antara songket luar dengan songket tempatan?**
- EWM : Dia songket tempatan ni [ini] kita tenun secara tangan manual. Kita lantak tu memang kain akan rapat padat. Keduanya, dari segi kalu [kalau] ada teknik sulam teknik apa kat [di] belakang tu [itu] dia akan atur dengan jari jeari satu persatu, satu persatu. Tetapi kalau mesin ni [ini] dia akan lancar dia akan Nampak kat [di] bawah tu [itu] overlap [terlebih] antara benang warna dengan benang emas silver [perak] dia akan bertindih tindih berserabut nampak. Itu salah satu – nak kenali.

Keduanya, dari segi motifnya, motif kita alam Melayu ni [ini] berbeza dengan motif yang produk daripada India mesin tu [itu]. Dia berbeza sangat dia punya design [rekabentuk] tu [itu]. Dari segi teknik tenunan tadilah saya kata rapat tak rapat dengan tenun satu persatu diaturkan. Keduanya – tepi kain kita ni [ini], kita menegangkan lagi kain dengan sebatang sumbi kita panggil sumbi iaitu sebatang kayu untuk menegangkan lagi kain.

Dia bila siap tu [itu] dia nampak bukaannya cacat, dia nampak tidak berapa lurus. Tetapi kalau mesin dia nampak lurus je sebab dia kena mesin sempurna. Keduanya kita kalau kain tempatan ni [ini] bila siap tenung tu [itu] sehelai, kita bau tu [itu] dia nampak ada bau seperti bau hapak. Bukan bau hapak busuk, hapak suasana duduk dalam gulungan tu [itu] ambil masa yang lama. Kalau kawasan perkampungan tu [itu] bau bau asap kesan daripada pembakaran kawasan dekat dekat tu [itu] bau kawasan persekitaran dia akan meresap ke dalam gulungan kain itu. Dia bau macam hapak, bukan hapak busuk seolah olah ke perkampungan sikit [sedikit].

Jadi kalau songket mesin ditenun di kilang besar, gedung, kita bila kita beli kain tu [itu] kita cium kita bau dia bau macam kain meter gudang kain yang ditenun dalam gudang, baunya elok. Itu salah satu lah tapi payah orang nak perasan benda benda sebegini. Kedua laginya selain dari bau tu [itu], tulah [itulah] tadi dari design [rekabentuk] itu yang teknik tenun dia kasar ke halus tu [itu] boleh kenalpasti semuanya.

Kalau ada promosi, kalau awak tanya soalan sebegini saya bagitahulah satu persatu dan saya boleh buat compare [perbandingan] dengan songket kadang kadang kita standby [sedia] satu songket yang mesin yang India, tengok belakang kat [di] luar tepi kain tunjuk ke dia apa yang kita buat dengan apa songket dari luar tu [itu].

NS : Sampai disini sahaja kita punya temubual. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Wan Manang Bin Wan Awang iaitu seorang usahawan songket. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang tenunan songket kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN 8

## **RUJUKAN**

(Encik Wan Manang bin Wan Awang, personal communication, Jun 23, 2021).

# **LAMPIRAN**

## **LOG WAWANCARA**

Nurin Syazwani Binti Mustapa dan Siti Nor Aisyah Binti Taliyang@Alias telah menenbual Encik Wan Manang Bin Wan Awang iaitu seorang pengusaha songket di Terengganu. Temubual ini di jalankan di platfom Google Meet pada 23 Jun 2021. Temubual in dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pengalaman beliau di dalam industri songket dan sumbangan beliau di dalam memartabatkan industri di Malaysia.

### **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.03 – 11.04	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Nurin Syazwani Binti Mustpa</li><li>➤ Siti Nor Aisyah Binti Taliyang@Alias</li></ul>
11.04 – 11.12	Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Wan Manang Bin Wan Awang.</li><li>➤ Berumur 67 tahun.</li><li>➤ Dilahirkan di Kuala Terengganu.</li><li>➤ Dilahirkan di dalam keluarga penenun songket.</li><li>➤ Digelar Manang Songket.</li><li>➤ Lahir pada</li><li>➤ Nama ibu:</li><li>➤ Nama bapa:</li><li>➤ Beliau merupakan anak ke-4 daripada 7 orang adik-beradik.</li><li>➤ Nama isteri:</li></ul>

		<p>2 lelaki dan 5 perempuan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau mewarisi bakat tenunan songket daripada ibu dan nenek beliau.</li> </ul>
--	--	---

#### BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.12- 11.17	Sejarah Pendidikan awal.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau bersekolah menengah di Tengku Bariah, Kuala Terengganu.</li> <li>➤ Melanjutkan tingkatan 6 di Maktab Adabi Kuala Terengganu.</li> <li>➤ Beliau menggemari subjek Pendidikan seni lukisan dan seni pertukangan tangan ketika berada di sekolah menengah.</li> </ul>
11.18 – 11.19	Sejarah Pendidikan tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau tidak menyambung pelajaran di peringkat university.</li> <li>➤ Akan tetapi, selepas tamat belajar, beliau mengikuti pelbagai kursus tenunan songket.</li> <li>➤ Ada yang dibayar secara persendirian atau ditaja oleh Perbadanan Kraf Tangan dan Yayasan Pembangunan Usahawan.</li> <li>➤ Sering mengikuti kursus di bahagian pemasaran, pembungkusan, meningkat mutu produk dan pelbagai.</li> </ul>

### C. PENGALAMAN KERJAYA AWAL

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.19- 11.24	Pengalaman kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mula berkecimpung dalam bidang seni kebudayaan sebagai pemuzik gamelan.</li> <li>➤ Pada masa yang sama mengusahakan tenunan songket secara sambilan</li> <li>➤ Mendapat tempahan songket dari penari SUTERA.</li> <li>➤ Selepas it, beliau mendapat tawaran sebagai juruteknik di Jabatan Kerja Raya (JKR).</li> <li>➤ Beliau bekerja selama 12 tahun di JKR untuk mendapatkan gaji sebagai modal untuk perniagaan songket.</li> </ul>

### D. PENGALAMAN KERJAYA SONGKET

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.24- 11.43	Kerjaya songket	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan membuatkan beliau nekad untuk berhenti kerja sebagai juruteknik di JKR dan memulakan perniagaan tenunan songket.</li> <li>➤ Dapat menghasilkan corak yang menarik dan unik adalah salah satu faktor yang mendorong beliau untuk memulakan kerjaya sebagai penenun</li> </ul>

		<p>songket.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Beliau mula belajar menenun songket dari ibu dan nenek semasa beliau masih kecil.</li> <li>➤ Mula bergiat aktif dalam bidang tenunan songket pada tahun 1977.</li> <li>➤ Ibu beliau telah memberikan sokongan sepenuhnya kepada beliau dalam menceburi bidang tenunan songket.</li> <li>➤ Isteri beliau juga turut memberikan sokongan kepada beliau.</li> <li>➤ Antara kenangan manis beliau dalam bidang ini adalah mendapat tempahan songket pertama daripada Jabatan Kerajaan untuk pakain penari gamelan.</li> <li>➤ Beliau telah mendapat tempahan untuk pameran di London dan telah di rasmikan oleh Raja Permaisuri Terengganu.</li> <li>➤ Telah mendapat tempahan untuk pameran dan jualan songket di Milan, Paris, Amsterdam dan juga China melalui Kerajaan Negeri Terengganu.</li> </ul>
--	--	---

## E. SONGKET

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.44 – 11.50	Proses pembuatan songket	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Terdapat 2 jenis benang iaitu polister kapas dan benang sutera.</li> <li>➤ Kemudian basuh dan rendam untuk mencelup warna dengan menggunakan air panas.</li> <li>➤ Kemudian jemur sehingga kering dan melakukan proses menerai benang.</li> <li>➤ Proses menganing iaitu untuk menentukan lebar dan Panjang kain yang dimahukan.</li> <li>➤ Setelah selesai, proses menggulung dilakukan dan diikuti proses menyapuk,</li> <li>➤ Kemudian proses mengarak dilakukan iaitu proses untuk menjalin benang dan diikuti proses mereka bentuk motif.</li> <li>➤ Setelah itu, proses menyungkit dilakukan untuk menentukan motif reka bentuk.</li> <li>➤ Akhir sekali, proses menenun dijalankan.</li> <li>➤ Anggaran sekitar 2 hingga 4 bulan diperlukan untuk menghasilkan sehelai kain songket akan tetapi juga bergantung pada jenis bahan dan motif yang digunakan.</li> </ul>

11.51-11.52	peralatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kek tenunan iaitu mesin untuk menenun songket.</li> <li>➤ Gigi jentera iaitu mesin yang digunakan untuk menenun.</li> </ul>
-------------	-----------	--

#### F. PENCAPAIAN

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.52- 11.56	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ 2003 – Sijil Penghargaan sebagai pencalonan peringkat AKRI dalam Anugerah Tokoh Usahawan Kraf.</li> <li>➤ 2013 – mendapat Anugerah Usahawan Terengganu Kategori Pelancongan,Kraf Dan Warisan</li> <li>➤ 2016 – Anugerah Usahawan Cemerlang SDSI bagi kluster produk kraf di bawah ICU GPN.</li> <li>➤ 2019 – menerima Watikah Perlantikan Adiguru Kraf Songket</li> </ul>

#### G. SUMBANGAN

MASA	PERKARA	PENERANGAN
11.56- 12.04	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memberi ceramah dan pencerahan tentang songket.</li> <li>➤ Mempromosikan songket Terengganu kepada pelancong luar.</li> </ul>

## H. HARAPAN

MASA	PERKARA	PENERANGAN
12.04-12.13	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penerimaan masyarakat di Malaysia harus meminati produk keluaran tempatan.</li> <li>➤ Berharap generasi muda akan datang lebih berminat menggunakan songket tempatan.</li> <li>➤ Berharap masyarakat lebih mengetahui perbezaan songket tempatan dan songket import.</li> </ul>

## PENUTUP

MASA	PERKARA	PENERANGAN
12.13	Penutup	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sesi penutup kata</li> </ul>

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9.00 a.m.	7 April 2021	Perbincangan tentang pemilihan tokoh.	Membuat senarai tokoh yang menepati kriteria yang ditetapkan.
5:32 p.m.	13 April 2021	Tokoh pertama telah dipilih berkaitan dengan tokoh usahawan.	Menyediakan abstrak untuk diserahkan kepada pensyarah untuk pengesahan sama ada tokoh tersebut menepati kriteria yang telah ditetapkan.
2.00 p.m.	19 April 2021	Tokoh pertama tidak diterima kerana kajian terhadap beliau pernah dijalankan.	Menyediakan beberapa senarai tokoh yang menepati kriteria untuk dipilih semula.
9.00 a.m.	20 April 2021	Tokoh kedua telah dipilih berkaitan dengan tokoh usahawan tenunan songket.	Menyediakan semula abstrak berkaitan tokoh untuk diserahkan kepada pensyarah untuk pengesahan lanjut.
3.00 p.m.	22 April 2021	Tokoh kedua telah diterima.	Seterusnya menyediakan proposal berkenaan tokoh yang dipilih.
12.30 p.m.	27 April 2021	Menghubungi anak tokoh bagi mendapatkan pengesahan.	Menerangkan tentang perjalanan kajian dan sesi temubual kepada anak beliau bagi mendapatkan kebenaran dan persetujuan dari pihak

			tokoh untuk menjalankan kajian tentang sejarah dan pengalaman beliau di bidang tenunan songket. Tokoh bersetuju untuk ditemubual.
10.00 a.m.	28 April 2021	Tokoh memberikan sedikit maklumat tentang kerjaya beliau.	Menyiapkan proposal dengan menggunakan sedikit maklumat yang diperolehi daripada tokoh. Seterusnya menyerahkan proposal tersebut kepada pensyarah.
8.45 p.m.	20 May 2021	Menyediakan soalan-soalan temubual.	Satu set soalan temubual telah di rangka berdasarkan kategori yang ditetapkan. Soalan dihantar kepada pensyarah untuk mendapatkan kelulusan.
2.30 p.m.	8 Jun 2021	Perbincangan dengan pensyarah untuk mengemaskini soalan temubual.	Pensyarah menerangkan soalan-soalan yang perlu dibetul. Seterusnya menyerahkan semula set soalan kepada pensyarah untuk mendapatkan pengesahan.
3.15 p.m.	15 Jun 2021	Soalan telah dikemaskini.	Soalan temubual telah dikemaskini dan ditambah baik setelah dirujuk kepada pensyarah dan telah mendapat kelulusan untuk mengadakan

			sesi temubual bersama tokoh.
10.00 p.m.	18 Jun 2021	Perbincangan tentang tarikh dan masa bagi sesi temubual.	Menghubungi tokoh melalui aplikasi Whatsapp bagi mencadangkan tarikh dan masa yang sesuai untuk sesi temuramah. Tarikh dan masa telah diputuskan dan dipersetujui oleh kedua belah pihak.
11.00 a.m.	23 Jun 2021	Sesi temubual dijalankan.	Sebelum sesi temuramah dilakukan, surat perjanjian lisan dan set soalan temubual diserahkan kepada tokoh. Sesi temuramah berjalan dengan lancar dan segala maklumat diperolehi dengan sangat baik.

## SOALAN TEMUBUAL - SEBELUM TEMUBUAL

### Pengenalan: [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Seajahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam **bidang warisan tenunan songket di Terengganu**. Bersama-sama kami ialah **Encik Wan Manang Bin Wan Awang** yang merupakan seorang **seorang usahawan songket**. Temubual ini dikendalikan oleh **Nurin Syazwani Binti Mustapa** dan **Siti Nor Aisyah Binti Taliyang @ Alias**.

### A. LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh encik?
  2. Adakah encik mempunyai nama timangan atau nama panggilan?
  3. Bilakah tarikh lahir encik?
  4. Dimanakah tempat encik dilahirkan dan dibesarkan?
  5. Dimanakah tempat tinggal encik sekarang?
  6. Adakah tempat tinggal sekarang merupakan tempat tinggal encik sejak kecil lagi?
  7. Kami ingin mengetahui serba sedikit latar belakang encik seperti nama ibu dan ayah encik?
  8. Encik mempunyai berapa bilangan adik-beradik dan anak yang keberapa?
  9. Boleh encik ceritakan sedikit tentang keluarga encik? Maksud kami isteri dan anak-anak encik.
- 
- ★ Siapa nama isteri?
  - ★ Isteri encik berasal dari mana?
  - ★ Apakah pekerjaan isteri encik?
  - ★ Encik mempunyai berapa orang anak lelaki dan perempuan?
10. Kalau tidak keberatan bagi encik, boleh encik ceritakan sedikit tentang anak-anak encik seperti nama mereka, umur dan sedikit tentang pendidikan mereka?

## **B. SEJARAH PENDIDIKAN**

11. Kita beralih ke soalan seterusnya mengenai tentang sejarah pendidikan awal sehingga ke peringkat tertinggi encik. Dimanakah encik bersekolah menengah?
12. Apakah subjek yang paling digemari ketika di sekolah menengah?
13. Apakah pencapaian tertinggi dan terbaik pernah encik perolehi ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?
14. Adakah encik menyambung ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamatnya peringkat sekolah menengah?
15. Apakah pengalaman atau memori yang paling encik tidak dapat dilupakan semasa di alam persekolahan?
16. Apakah cabaran dan halangan yang pernah encik lalui semasa zaman persekolahan?
17. Adakah encik pernah mengikuti mana-mana kursus professional selepas tamat belajar?
18. Kursus apakah yang pernah encik ikuti?
19. Dimanakah tempat kursus tersebut?

## **C. PENGALAMAN KERJAYA AWAL**

20. Apakah pekerjaan yang dilakukan selepas encik tamat belajar?
21. Bagaimanakah encik boleh melibatkan diri dengan pekerjaan tersebut?
22. Apakah yang mendorong encik untuk bekerja di bidang tersebut pada ketika itu?
23. Berapa lama encik bekerja di bidang tersebut sebelum menceburkan diri di dalam bidang tenunan songket?
24. Boleh encik ceritakan pengalaman manis ketika bekerja di bidang tersebut?
25. Apakah cabaran yang dihadapi ketika bekerja di bidang itu?

## **D. PENGALAMAN KERJAYA SONGKET**

26. Apakah yang menyebabkan encik mula berminat dengan bidang tenunan songket ini?
27. Apakah faktor yang mendorong encik menjalankan dan mengembangkan bidang seni warisan songket?
28. Dimanakah encik belajar menenun songket?
29. Siapakah guru yang mengajar encik menenun songket?

30. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk encik betul-betul mahir di dalam penghasilan tenunan songket?
31. Pada tahun bilakah encik mula bergiat aktif dalam seni warisan songket?
32. Boleh kami tahu, siapa yang memberi sepenuh sokongan kepada Encik Wan dalam menceburi bidang tenunan songket ini?
33. Bagaimana encik menguruskan masa menguruskan kerjaya awal dan juga dalam pada masa yang sama mempelajari ilmu tenunan songket?
34. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik di dalam membahagikan masa untuk menceburi bidang tenunan songket dan juga pekerjaan awal ketika itu?
35. Boleh kami tahu serba sedikit tentang pengalaman manis encik ketika menjalankan perniagaan tenunan songket?
36. Adakah anak-anak encik menceburi bidang tenunan songket ini?

#### **E. SONGKET**

37. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang cara-cara pembuatan songket?
38. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu helai songket?
39. Apakah peralatan yang digunakan untuk menenun songket?
40. Berapakah banyakkah kos yang dikeluarkan untuk menghasilkan satu helai songket?
41. Kebiasaan, kemanakah encik akan menghantar songket-songket yang telah siap ditenun?
42. Berapakah harga songket di pasaran sekarang?

#### **E. PENCAPAIAN**

43. Sepanjang menceburi bidang songket ini, apakah pencapaian atau anugerah yang diperolehi oleh encik?
44. Berapakah anugerah yang pernah diterima oleh encik?
45. Adakah encik pernah mendapat gelaran sebagai tokoh songket?

#### **F. SUMBANGAN**

46. Boleh kami tahu, sepanjang encik menjalankan perniagaan tenunan songket ini, apakah sumbangan encik di dalam memartabatkan industri songket di Malaysia?
47. Sebagaimana yang kita ketahui, tenunan songket agak terkenal di negeri pantai timur, apakah sumbangan encik di dalam penghasilan songket sebagai satu simbol tarikan budaya kepada pelancong di Terengganu?

#### G. HARAPAN

48. Apakah harapan encik dalam memartabatkan industri warisan tenunan songket di Malaysia?
49. Apakah harapan encik terhadap generasi muda masa kini untuk meneruskan legasi penghasilan songket sebagai satu simbol tarikan di Malaysia?
50. Sebagai pemilik dan pengusaha songket yang terkenal, apakah harapan encik terhadap peniaga-peniaga kecil songket di Malaysia?

**Penutup:** *[rakam selepas temubual]*

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan Encik Wan Manang Bin Wan Awang iaitu seorang usahawan songket**. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang **tenunan songket** kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## **SOALAN WAWANCARA – SEMASA TEMUBUAL**

### **Pengenalan: [rakam sebelum temubual]**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Seajahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup** seorang tokoh dalam **bidang warisan tenunan songket di Terengganu**. Bersama-sama kami ialah **Encik Wan Manang Bin Wan Awang** yang merupakan seorang **seorang usahawan songket**. Temubual ini dikendalikan oleh **Nurin Syazwani Binti Mustapa** dan **Siti Nor Aisyah Binti Taliyang @ Alias**.

### **A. LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh encik?
  2. Adakah encik mempunyai nama timangan atau nama panggilan?
  3. Bilakah tarikh lahir encik?
  4. Dimanakah tempat encik dilahirkan dan dibesarkan?
  5. Dimanakah tempat tinggal encik sekarang?
  6. Adakah tempat tinggal sekarang merupakan tempat tinggal encik sejak kecil lagi?
  7. Kami ingin mengetahui serba sedikit latar belakang encik seperti nama ibu dan ayah encik?
  8. Encik mempunyai berapa bilangan adik-beradik dan anak yang keberapa?
  9. Boleh encik ceritakan sedikit tentang keluarga encik? Maksud kami isteri dan anak-anak encik.
- 
- ★ Siapa nama isteri?
  - ★ Isteri encik berasal dari mana?
  - ★ Apakah pekerjaan isteri encik?
  - ★ Encik mempunyai berapa orang anak lelaki dan perempuan?

10. Kalau tidak keberatan bagi encik, boleh encik ceritakan sedikit tentang anak-anak encik seperti nama mereka, umur dan sedikit tentang pendidikan mereka?

## **B. SEJARAH PENDIDIKAN**

11. Kita beralih ke soalan seterusnya mengenai tentang sejarah pendidikan awal sehingga ke peringkat tertinggi encik. Dimanakah encik bersekolah menengah?
12. Apakah subjek yang paling digemari ketika di sekolah menengah?
13. Apakah pencapaian tertinggi dan terbaik pernah encik perolehi ketika berada di peringkat sekolah dalam akademik dan kokurikulum?
14. Adakah encik menyambung ke peringkat yang lebih tinggi selepas tamatnya peringkat sekolah menengah?
15. Apakah pengalaman atau memori yang paling encik tidak dapat dilupakan semasa di alam persekolahan?
16. Apakah cabaran dan halangan yang pernah encik lalui semasa zaman persekolahan?
17. Adakah encik pernah mengikuti mana-mana kursus profesional selepas tamat belajar?
18. Kursus apakah yang pernah encik ikuti?
19. Dimanakah tempat kursus tersebut?

## **C. PENGALAMAN KERJAYA AWAL**

20. Apakah pekerjaan yang dilakukan selepas encik tamat belajar?
21. Bagaimanakah encik boleh melibatkan diri dengan pekerjaan tersebut?
22. Apakah yang mendorong encik untuk bekerja di bidang tersebut pada ketika itu?
23. Berapa lama encik bekerja di bidang tersebut sebelum menceburkan diri di dalam bidang tenunan songket?
24. Boleh encik ceritakan pengalaman manis ketika bekerja di bidang tersebut?
25. Apakah cabaran yang dihadapi ketika bekerja di bidang itu?

## **D. PENGALAMAN KERJAYA SONGKET**

26. Apakah yang menyebabkan encik mula berminat dengan bidang tenunan songket ini?

27. Apakah faktor yang mendorong encik menjalankan dan mengembangkan bidang seni warisan songket?
28. Dimanakah encik belajar menenun songket?
29. Siapakah guru yang mengajar encik menenun songket?
30. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk encik betul-betul mahir di dalam penghasilan tenunan songket?
31. Pada tahun bilakah encik mula bergiat aktif dalam seni warisan songket?
32. Boleh kami tahu, siapa yang memberi sepenuh sokongan kepada Encik Wan dalam menceburi bidang tenunan songket ini?
33. Bagaimana encik menguruskan masa menguruskan kerjaya awal dan juga dalam pada masa yang sama mempelajari ilmu tenunan songket?
34. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik di dalam membahagikan masa untuk menceburi bidang tenunan songket dan juga pekerjaan awal ketika itu?
35. Boleh kami tahu serba sedikit tentang pengalaman manis encik ketika menjalankan perniagaan tenunan songket?
36. Adakah anak-anak encik menceburi bidang tenunan songket ini?

#### **E. SONGKET**

1. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang cara-cara pembuatan songket?
2. Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu helai songket?
3. Apakah peralatan yang digunakan untuk menenun songket?

#### **E. PENCAPAIAN**

1. Sepanjang menceburi bidang songket ini, apakah pencapaian atau anugerah yang diperolehi oleh encik?

#### **F. SUMBANGAN**

1. Boleh kami tahu, sepanjang encii menjalankan perniagaan tenunan songket ini, apakah sumbangan encik di dalam memartabatkan industri songket di Malaysia?

2. Sebagaimana yang kita ketahui, tenunan songket agak terkenal di negeri pantai timur, apakah sumbangan encik di dalam penghasilan songket sebagai satu simbol tarikan budaya kepada pelancong di Terengganu?
3. Adakah encik menerangkan serba sedikit tentang keunikan songket negara kita kepada pelancong dari luar?

## G. HARAPAN

1. Apakah harapan encik dalam memartabatkan industri warisan tenunan songket di Malaysia?
2. Apakah harapan encik terhadap generasi muda masa kini untuk meneruskan legasi penghasilan songket sebagai satu simbol tarikan di Malaysia?
3. Bagaimana untuk membezakan songket luar dan songket tempatan?

### **Penutup:** *[rakam selepas temubual]*

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman dan sumbangan Encik Wan Manang Bin Wan Awang iaitu seorang usahawan songket**. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang **tenunan songket** kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**SURAT**

**PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya Wan Manang bin Wan Awang K/P: pada 23 Jun 2021 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh: Wan Manang bin Awang)  
Abdullah) Tarikh: 23 Jun 2021

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan MaklumatUniversiti

# GAMBAR



# INDEKS

## INDEKS

---

### A

- Adiguru..... vi,22,36  
Aktif..... 9,10,13,14,15,24,34,43,47
- 

### B

- Budaya ..... iii,24,44,48  
Berkecimpung..... iii,vi,3,4,8,9,18,33  
Benang..... vi,13,14,19,20,21,26,27,35  
Batik..... 14,25
- 

### C

- Canting ..... 14  
Corak..... vi,12,14,20,21  
Company ..... 2,8  
Cina..... 17,19  
Cabaran..... iii,7,10,16,26,42,43,47
- 

### D

- Design..... 24,26,27,28  
Darwin..... 13
- 

### E

- Eksport ..... 8  
Excited..... 4,16,17  
Emas..... vi,20,26,27

### G

- Gamelan..... 9,16,33,34  
Gigi..... 19,21,36
- 

### H

- Helai..... 14,19,20,21,26,28,35,43,47  
Harga..... 14,21,26,43
- 

### I

- Industri..... i,iii,vi,5,8,9,10,12,22,23,24,  
26, 31,43,47,48  
IKN..... 4,17  
Import..... 25,26,27,37
- 

### J

- JKR..... vi,15,33  
Jentera..... 19,21,26
- 

### K

- Khe ..... 13,21  
Kreativiti..... 12  
Karyaneka ..... 13,16,17  
Kraftangan ..... 13,16,23

---

## L

- Loseng ..... 14,19  
Laos ..... 23
- 

## M

- Manang ..... i,v,vi,1,2,5,6,7,8,9,10,11,12,  
22,24,25,29,30,31,41,44,45,  
48,49  
Melayu ..... iii,26,27,28  
Menenun ..... v,vi,13,14,18,19,20,21  
,34,35,36,42,43,47
- 

## P

- Pelenting ..... 14,19  
PVC ..... 14,19  
Produk ..... 8,13,22,24,25,26,27,28,32,36,37  
Pelancong ..... 22,24,36,44,48  
Penari ..... 9,13,16,33,34
- 

## S

- Seni ..... iii,6,9,12,17,18,32,33,42,43,47  
Simposium ..... 23
- 

## T

- Tempatan ..... 26,27,28,37,48  
Tekstil ..... 23